

# PM suntik semangat Malik

Oleh RAMLI ABDUL KARIM  
Foto ihsan ABDUL MALIK MYDIN

UM - 2 JUN 2002

**R**AKYAT Malaysia pertama yang bakal merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer, Abdul Malik Mydin, 27, menerima dua suntikan semangat ketika berlatih di London, baru-baru ini.

Pertama, ia datang daripada kata-kata perangsang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri yang ditemuinya di sana.

Dr. Mahathir singgah di London pada 12 Mei lalu ketika dalam perjalanan menemui Presiden George W. Bush di Washington.

Pertemuan Malik dan Perdana Menteri itu berlangsung di pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London.

Dalam pertemuan singkat itu, Malik meminta Perdana Menteri merestui dan mendoakan kejayaannya.

Lantas Dr. Mahathir kemudiannya menjawab: "Kamu teruskan berlatih dan saya berdoa."

Keprihatinan Perdana Menteri terbukti apabila beliau sempat bertanya sama ada Malik boleh menyesuaikan diri dengan kesejukan air laut di Selat Inggeris.

Dr. Mahathir tentunya sedar risiko yang bakal dihadapi oleh Malik disebabkan suhu air laut jauh lebih rendah berbanding laut di Malaysia.

Perdana Menteri yang merupakan penang Projek Cabaran Selat Inggeris 2003 sentiasa mengikuti perkembangan latihan Malik dari semasa ke semasa.

Yang kedua, Malik mendapat sokongan, nasihat dan bimbingan daripada Ratu Selat Inggeris, Alison Streeter yang telah menyeberangi Selat Inggeris sebanyak 39 kali.

Sepanjang di London dari 2 hingga 15 Mei lalu, Malik menjalani latihan di bawah bimbingan Alison di Pelabuhan Dover.

Beliau juga tidak melepaskan peluang berenang bersama-sama sekumpulan perenang Eropah, juga di bawah bimbingan Alison.

Ketika ditemui kembalinya ke tanah air, Malik memberitahu, beliau kini sudah bersedia 'menawan' Selat Inggeris. Apa yang perlu dilakukannya sekarang ialah menjalani lebih banyak latihan dan menguatkan persediaan mental.

"Dari segi semangat dan psikologi, saya telah pun bersedia merentasi Selat Inggeris. Restu dan doa Perdana Menteri amat penting buat saya di samping sokongan jitu rakyat Malaysia," katanya.

Pada 14 April lalu, *Mingguan Malaysia* menyiarkan rencana persediaan Malik, seorang bekas pengawal peribadi dan pelumba basikal kebangsaan untuk menyeberangi Selat Inggeris pada Ogos 2003.

Malik akan melakukan renangan bermula dari Shakespeare Beach di Dover, England menuju ke pantai Cap Gris Nes di Calais, Perancis.

Beliau bukan saja bakal melakarkan rekod Malaysia malah mencipta nama sebagai orang



pertama dari Asia Tenggara menyeberangi Selat Inggeris.

Sejak 100 tahun lalu, hanya kira-kira 500 orang berjaya merentasi selat itu manakala 6,000 orang yang lain menemui kegagalan termasuk meninggal dunia di tengah selat Eropah itu.

Menurut Malik, untuk menyeberangi selat itu, beliau perlu melakukan kira-kira 60,000 kuak.

"Ketika latihan di bawah bimbingan Alison baru-baru ini, saya berjaya berenang sejauh 10 kilometer di Selat Inggeris. Alison juga mempelawa saya untuk melihat sendiri bagaimana perenang-perenang Eropah merentasi Selat Inggeris pada Julai ini," ujarnya.

Menurut Malik, Alison bersetuju menghantar wakil untuk membantu menentukan laluannya ketika berenang menyeberangi Selat Langkawi sejauh 44 kilometer, Oktober ini.

Tambahnya, selain latihan persediaan di Selat Langkawi, beliau juga akan berlatih di Melbourne, Australia tidak lama lagi.

"Saya harap akan berjaya di Langkawi dan Melbourne sebelum sekali lagi ke Dover menjelang Julai 2003 untuk latihan akhir dan renangan sebenar," ujar Malik.

Pada masa ini, penaja utama Projek Cabaran Selat Inggeris 2003 ialah MEC Dagang Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengeluar barangan elektrik tempatan jenama MEC.

Mana-mana pihak yang ingin menjadi penaja projek berkenaan boleh menghubungi Malik atau Rahayu Ahmad menerusi telefon 03-92237305, 012-2518837 dan 013-3582137.